

# Jawapan Lengkap Cabarán KBAT

TINGKATAN 4

## BAB 1

### Soalan 1

Hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat sememangnya boleh menjadi pemangkin kepada kesejahteraan negara. Hubungan baik dapat dijalankan jika seseorang pemimpin sentiasa berusaha untuk menyelesaikan masalah yang diadu oleh rakyat. Setiap masalah yang diadukan mesti cuba diselesaikan dengan mengambil kira kemampuan dan kehendak rakyat.

Selain itu, Kedua-dua pihak perlu berbincang supaya tindakan yang diambil bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah tetapi juga memuaskan hati kedua-dua pihak. Contohnya, jika berlaku masalah banjir di sesuatu tempat. Perbincangan antara kedua-dua pihak penting kerana tindakan penyelesaian sudah tentu akan melibatkan sistem perhubungan dan sistem saliran yang akan berkaitan dengan tanah penduduk. Jika tiada kesepakatan antara kedua-dua pihak, masalah akan sukar diselesaikan.

Intinya, masalah akan mudah diselesaikan jika wujud tolak ansur dan perasaan saling menghormati antara satu sama lain.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)  
(Maksimum = 4 markah)*

### Soalan 2

Kebijaksanaan raja merupakan teras kemasyhuran kerajaan Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini kerana kerajaan Kesultanan Melayu Melaka mengamalkan sistem raja berkuasa mutlak. Melalui sistem ini, seseorang raja mempunyai kuasa penuh dalam hal pentadbiran, perundangan, politik, ekonomi dan sosial.

Kemasyhuran kerajaan Melaka juga adalah kerana raja bertindak bijak dalam memastikan pembesaran pembesarnya sentiasa taat dan setia dalam menjalankan tanggungjawab. Contohnya, Sultan Melaka mewujudkan konsep kawasan pegangan, iaitu kawasan kurniaan sultan kepada Pembesar Berempat bagi memastikan mereka sentiasa taat kepada baginda.

Selain itu, Raja juga berjaya menjaga keselamatan dan kebajikan rakyat dengan melaksanakan undang-undang yang berkesan, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.

Jelasnya, kebijaksanaan raja menjadi teras kemajuan Kesultanan Melayu Melaka.

*(Mana-mana jawapan munasabah diterima)  
(Maksimum = 4 markah)*